

Mensosialisasikan bahasa kebangsaan

BH • 16/5/12 MS 20

Pendidikan nasional patut dijadikan bukan Melayu warga lebih patriotik

Teo Kok Seong



KENYATAAN seorang wanita Cina mengenai kurang minat anaknya menyertai Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) Siri 2 2012 kerana tidak menyukai bahasa Melayu, yang tersiar dalam rancangan berita televisyen baru-baru ini, adalah satu lagi peristiwa malang yang menimpa bahasa Melayu selaku bahasa negara. Sebab diberikan itu antaranya ada kaitan dengan pengendalian PLKN yang dilakukan sepenuhnya dalam bahasa Melayu. Ia mungkin juga berkait rapat dengan penguasaan bahasa Melayu yang lemah oleh anak wanita itu.

Inilah hakikatnya bahawa bukan saja ada sebilangan besar warga Malaysia yang tidak fasih dalam bahasa Melayu, tetapi lebih meluluhkan lagi ialah mereka ini juga tidak menyukainya. Banyak alasan diberikan mengenai perkara ini. Sesetengahnya menyentuh sikap terhadap orang Melayu, selain sifat linguistik bahasa Melayu itu sendiri.

Sikap tidak menyukai bahasa Melayu ini dimanifestasikan dalam pelbagai bentuk. Antaranya adalah tindakan sengaja berbahasa Inggeris misalnya, ketika ditanya dalam bahasa Melayu. Hal ini banyak berlaku dalam kalangan mereka yang pernah memperoleh keputusan cemerlang dalam mata pelajaran bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan yang boleh pun berbahasa Melayu dengan baik.

Nampaknya mereka ini mempunyai orientasi instrumental ketika mempelajari bahasa Melayu di bangku sekolah dulu, iaitu untuk lulus dalam peperiksaan semata-

mata. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa mereka ini tidak pernah mempunyai orientasi integratif ketika mempelajarinya, iaitu untuk menjadi sebahagian daripada komuniti bahasa Melayu di negara ini.

Implikasi sikap tidak menyukai bahasa Melayu ini bukan saja besar, tetapi banyak. Antaranya adalah bahasa Melayu selaku bahasa negara tidak diterima sesetengah warga Malaysia sendiri. Sehubungan ini, ia tidak dihargai sebagai bahasa yang paling layak untuk tujuan perpaduan kaum. Ia juga tidak diakui sebagai alat paling penting untuk kemajuan negara.

Lebih mudarat lagi ialah sikap negatif ini memperlihatkan tidak bertanggung jawabnya sesetengah warga Malaysia terhadap kewajipan nasionalistik untuk menyayangi bahasa Melayu sebagai bahasa negara. Perbuatan ini boleh dianggap sebagai penderhakaan kepada negara, manakala sikap tidak meyakini kemampuan bahasa Melayu oleh mereka ini untuk proses pembentukan negara bangsa dan pembangunan negara, adalah tindakan mengkhianati negara.

Sesungguhnya ramai dalam kalangan mereka ini tidak menyedari bahawa peranan bahasa Melayu di negara ini adalah lebih daripada bahasa etnik orang Melayu. Ia pertamanya adalah bahasa negara ini. Lebih penting lagi, dalam kapasiti ini, bahasa Melayu mendukung dua fungsi kenegara-

an, iaitu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi.

Sebagai bahasa kebangsaan, bahasa Melayu mewakili seluruh pelosok bumi Malaysia dan semua sektor masyarakat Malaysia. Dengan kata lain, sebagai bahasa kepada entiti politik, sosial dan budaya yang bernama Malaysia, bahasa Melayu adalah lambang negara yang penting. Oleh itu, ia perlu diterima dan diakui semua pihak sebagai bahasa warga Malaysia, lebih-lebih lagi dalam konteks nasionalisme Malaysia untuk berkongsi satu bahasa sepunya.

Sebagai bahasa rasmi pula, bahasa Melayu adalah saluran selain wahana penting untuk kemajuan warga Malaysia. Dengan ini, ia adalah bahasa untuk warga Malaysia meraih kejayaan, baik di dalam mahupun di luar negara. Sebagai bahasa rasmi, bahasa Melayu adalah bahasa fungsional yang boleh membangunkan Malaysia, dalam konteks menjadikannya sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi.

Sebagai bahasa negara, bahasa Melayu adalah aspek penting dalam nasionaliti Malaysia. Ini bermakna bahasa Melayu yang menjadi bahasa yang mampu mengikat semua warga Malaysia sebagai satu kesatuan yang utuh dan memajukan mereka sebagai bangsa yang berketerampilan, perlu bukan saja disukai sebagai bahasa yang indah lagi menarik. Tetapi lebih penting lagi ia perlu disan-

jungi dengan penuh kemuliaan, seajar dengan martabat kudusnya sebagai bahasa negara oleh semua pihak pada setiap masa.

Sikap positif ini mungkin perlu disosialisasikan kepada warga Malaysia menerusi sistem pendidikan negara. Sehubungan ini, kanak-kanak perlu diajar mengenai ideologi menjadi warga Malaysia yang baik, khususnya dalam konteks menyayangi bahasa Melayu sebagai bahasa negara. Untuk ini, mereka hendaklah didedahkan pada peringkat awal persekolahan lagi, mengenai nilai dan kepentingan, selain keindahan bahasa Melayu dalam kapasitinya sebagai bahasa paling penting di negara ini.

Sosialisasi bahasa Melayu dalam aspek nasionalistik ini yang antaranya untuk mengunjurkan jati diri nasional, khususnya di mata masyarakat luar Malaysia, boleh bermula dengan pemupukan kebiasaan berbahasa Melayu sesama warga Malaysia tanpa mengira kaum dalam sebarang interaksi sosial lebih-lebih lagi yang formal dan rasmi. Kebiasaan ini lama-kelamaan akan menjadi amalan nasional, selain dapat mempertingkatkan kecekapan berkomunikasi dalam bahasa Melayu, mampu memupuk persefahaman dan kerjasama antara warga Malaysia berbilang kaum di negara ini.

Amalan ini juga dapat mempertingkatkan toleransi, penerimaan dan penghormatan terhadap orang Melayu sebagai kaum dominan di negara ini. Dengan menguasai bahasa Melayu secara integratif, warga Malaysia bukan Melayu pasti akan lebih terbuka minda mereka terhadap orang Melayu.

Keterbukaan ini sudah tentu boleh mengubah sikap mereka terhadap bahasa Melayu sebelum ini, untuk bukan saja menyukainya, tetapi menyayangnya.

Sebagai bahasa negara, bahasa Melayu adalah aspek penting dalam nasionaliti Malaysia.

Ini bermakna bahasa Melayu yang menjadi bahasa yang mampu mengikat semua warga Malaysia sebagai satu kesatuan yang utuh

Penulis ialah Timbalan Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu UKM